

GIG: PERUNTUKAN DAN PELAKSANAAN UNDANG UNDANG

DI MALAYSIA

NUR ATHIRAH BINTI YUSOFF

PID 13100

JABATAN SYARIAH

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

**GIG: PERUNTUKAN DAN PELAKSANAAN UNDANG UNDANG  
DI MALAYSIA**

**NUR ATHIRAH BINTI YUSOFF**

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat  
Memperolehi Diploma**

**JABATAN SYARIAH**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH**

**NOVEMBER 2016**

## **PENGAKUAN**

“Saya akui karya ini adalah kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap tiap satunya saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan:

Nama Calon: NUR ATHIRAH BINTI YUSOFF

No K/P: 940930-11-5542

No Matrik: PID 13100

## **PENGHARGAAN**

الرَّحِيمُ الرَّحْمَنُ اللَّهُ بِسْمِ

Assalamualaikum w.b.t dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam keatas junjungan besar Nabi Muhammad s.aw.

Bersyukur ke hadrat Allah saya panjatkan terlebih dahulu kerana atas rahmat dan kurniaNya dapat saya langsungkan kertas projek ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih dikalungkan buat penyelia kertas projek ini, Encik Mohd Saifudin bin Abdul Karim yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang saya menyiapkan kertas projek ini.

Juga saya kalungkan jutaan terima kasih ini buat ayahnda saya Encik Yusoff bin Ismail yang banyak memberi sokongan dari segi kewangan sepanjang keberlangsungan saya menghabiskan diploma saya sepanjang tiga tahun di KUIPSAS ini.

Tidak lupa buat bonda tersayang Puan Hasmah binti Mat yang turut sama memberi sokongan moral dan pujukan semangat untuk saya terus berusaha demi menyiapkan kertas projek “Gig; peruntukan dan pelaksanaan undang undang di Malaysia.”

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan membuka mata masyarakat dengan lebih jelas perihal hiburan dalam Islam terutamanya dalam skop hiburan Gig pada masa kini yang mana Gig ini seumpama barah yang merebak dalam kalangan remaja negara. Kertas projek ini merangkumi lima bab yang mana bab satu adalah proposal kertas projek. Bab dua menjurus kepada pengenalan secara umum tentang apa itu hiburan Gig dan bab tiga merupakan satu perincian yang memperhalusi peruntukan dan pelaksanaan undang undang Gig di Malaysia yang penulis tampilkan bersamanya beberapa kes yang ada. Bab empat adalah bab yang merupakan isi perihal kajian kertas projek menurut pandangan Islam yang mana dalam bab ini penulis merangkumkan sub topik penting seperti garis panduan hiburan dalam Islam dan juga isu Black Metal untuk sajian pembaca. Bab terakhir yakni bab lima merupakan satu rumusan menyeluruh serta beberapa cadangan penulis bagi menangani isu yang kertas projek ini tampilkan.

## **SENARAI SINGKATAN KATA**

S.W.T : SubhanaWaTaala.

S.A.W : SallallahuAilaihiWasalam.

## **SENARAI STATUT**

Akta Hasutan 1948

Akta Dadah Berbahaya 1952

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997

Akta hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992

Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)

Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574)

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iv
SENARAI SINGKATAN KATA	v
SENARAI STATUT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1 Pendahuluan.	1
1.2 Permasalahan kajian.	3
1.3 Objektif kajian.	3
1.4 Limitasi kajian.	4
1.5 Definisi operasi kajian.	4
1.6 Metodologi kajian.	5
1.7 Ulasan keperpusakaan.	6

**BAB 2: PERKEMBANGAN GIG DI MALAYSIA MUKA SURAT**

2.1 Pengenalan Gig.	8
2.2 Konsep Gig.	10
2.3 Ciri ciri Gig.	11
2.4 Band Gig di Malaysia.	13
2.5 Sejarah Gig di Malaysia.	14
2.6 Perkembangan Gig di Malaysia.	16
2.7 Individu yang banyak menggerakkan Gig di Malaysia.	18
2.8 Isu Gig yang timbul di Malaysia.	19
2.9 Gig dan kontroversi.	21
3.0 Salah faham tentang Gig.	23

**BAB 3: PERUNTUKAN DAN PENGUATKUASAAN GIG MUKA SURAT**

3.1 ‘Party Tonight, Revolution Tomorrow’ ; Gig Rumah Api.	25
3.1.1 Peruntukan yang terpakai bagi kes	

‘Party Tonight, Revolution Tomorrow’	27
3.1.2 Pelaksanaan peruntukan bagi kes ‘Party Tonight, Revolution Tomorrow’	29
3.2 Serbuan Gig Black Metal ; Peristiwa 2005.	31
3.2.1 Peruntukan yang terpakai bagi kes Serbuan Gig Black Metal ; Peristiwa 2005.	33
3.2.2 Pelaksanaan peruntukan bagi kes Serbuan Gig Black Metal ; Peristiwa 2005.	35
3.3 ‘New Year Raid’ ; Konsert lepas geram Black Metal.	37
3.3.1 Peruntukan yang terpakai bagi kes ‘New Year Raid’	38
3.3.2 Pelaksanaan peruntukan bagi kes New Year Raid’	41

<b>BAB 4: GIG MENURUT PERSPEKTIF ISLAM SERTA MUKA SURAT</b>	
<b>BLACK METAL SEBAGAI SATU AJARAN SALAH</b>	
4.1 Keperluan bersosial dalam diri manusia.	43
4.2 Gig; budaya Hedonisme suatu corak penilainnya menurut Al Quran.	44
4.3 Black Metal satu ajaran salah.	46

4.4 Hiburan dalam Islam. 46

4.5 Garis panduan berhibur oleh JAKIM. 47

**BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN MUKA SURAT**

5.1 Rumusan 51

5.2 Cadangan 52

5.3 Penutup 54

**BIBLIOGRAFI**

**LAMPIRAN**

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Marcapada dunia harini, telah berlaku revolusi dalam pelbagai bidang. Ini termasuk juga dalam bidang hiburan di dunia. Hiburan adalah elemen asas dalam menghidupkan pokok sosio masyarakat lantaran asbab kemandirian individu itu juga dipengaruhi oleh ekspresi rasa yang bergaris pandukan daripada kepelbagaian emosi. Perkembangan sosio masyarakat juga meliputi segala aspek asas kehidupan yang mana setiap perkara itu harus berlandaskan aturan yang jelas. Jadi, keberhasilan revolusi ini dari masa ke semasa mencetus pelbagai tunas tunas pendapat daripada para ilmuan yang mana cabangnya merangkumi segala skop mahupun dari segi istilah, teori mahupun pelaksanaannya.

Sebagai seorang Muslim, cetusan daripada revolusi hiburan menghasilkan cabang pendapat ulama yang mana ia dapat dijadikan kayu ukur atau batu asas seorang

Muslim itu sendiri untuk berhibur dengan cara yang halal menurut Islam. Antara keutamaan yang di gariskan Islam dalam menghalalkan hiburan adalah sesuatu hiburan itu hendaklah terhindar daripada unsur menyekutukan Allah dan pelaksanaan ini merangkumi segala aspek bermula daripada isi hiburan, artis yang menyampaikan hiburan sehingga pelaksanaan sesebuah seni hiburan itu sendiri.

Begitu juga jika perkara ini di suluh kepada skop perundangan sesebuah negara. Aspek perundangan ini melingkungi skop peruntukan dan penguatkuasaan undang undang itu sendiri. Dan di Malaysia jika salur perundangan di ketengahkan dalam sesuatu isu, ianya akan di cabangkan kepada dua bidang peruntukan; sivil dan syariah. Peruntukan sivil biasanya akan meliputi aspek cara atau prosedur sesebuah hiburan itu di laksanakan sebagai contoh tatacara mengadakan konsert terbuka juga perihal aspek tatatertib berhibur tanpa ada unsur unsur pergaduhan dan menyentuh sensitiviti beragama masyarakat majmuk Malaysia. Dalam syariah pula, garis pandunya biasanya akan menyentuh isi akidah, pergaulan dalam berhibur sehingga perihal akhlak dan tatasusila artis itu sendiri bagi menghadirkan moral positif dalam masyarakat.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Sesuatu pelaksanaan hiburan haruslah berpandukan kayu ukur yang di tetapkan oleh pihak pihak terlibat. Sebagai seorang Muslim, etika berhibur itu sendiri wajib di patuhi demi menjaga lima maqasid syariah hidup beragama. Jika bercakap perihal teori, di akui bahawa segala atur cara daripada segenap ruang lingkup baik daripada segi tatacara yang di garis Islam mahupun peruntukan undang undang itu sendiri sudah cukup jelas dan tidak dapat di nafikan lagi.

Namun, persoalannya adakah amalinya secantik teori? Kertas kerja ini akan memperhalusi persoalan ini dari konsep peruntukan syariah mahupun sivil tentang isu hiburan di Malaysia ini dan sejauh mana pelaksanaan undang undang di Malaysia berkaitan permasalahan ini.

## **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah seperti berikut;

- 1.1 Untuk mengkaji peruntukan yang tersedia berkaitan hal hiburan di Malaysia

1.2 Untuk mengkaji sejauh mana pelaksanaan peruntukan undang undang itu sendiri terpakai di Malaysia

1.3 Untuk memperhalusi isu hiburan di sisi Islam dalam konteks Malaysia

1.4 Untuk menjelaskan garis pandu berhibur yang di benarkan syarak dalam konteks Malaysia.

#### **1.4 LIMITASI KAJIAN**

Tumpuan kajian ini menjurus kepada sejauh mana hiburan itu sendiri berkembang di Malaysia dan keberkesanan undang undang dalam menangani isu ini. Keberkesanan di sini membawa maksud pelaksanaan peruntukan yang tersedia dalam undang undang sivil dan syariah itu sendiri.

#### **1.5 DEFINISI OPERASI KAJIAN**

1.1 Hiburan: Persembahan dengan gerak laku perbuatan atau olah tubuh, tutur kata atau mimik bertujuan untuk menyenangkan dan menyukakan hati serta mendorong kearah kebaikan.

1.2 Peruntukan undang undang: Undang undang yang sedia terpakai bagi sesuatu isu yang terlibat.

1.3 Pelaksanaan undang undang: Pihak pihak yang terlibat dalam melaksana undang undang yang terpakai tersebut.

1.4 Masyarakat Malaysia: Orang orang yang terlibat dalam pengkajian isu hiburan di Malaysia.

## **1.6 METODOLOGI KAJIAN**

Data data sekunder bagi kajian ini diperoleh melalui kaedah analisis dokumen iaitu pencerapan isi keatas buku buku atau sebarang dokumen bertulis hasil daripada kajian keperpustakaan.

Data utama pula dikutip dengan beberapa metadologi kajian lain seperti kaedah temu bual, penyelidikan eksperimen dan penyelidikan deskriptif. Metode temu bual di jalankan bagi mendapatkan maklum balas masyarakat perihal pandangan mereka tentang perundangan di Malaysia dalam skop hiburan itu sendiri.

## **1.7 ULASAN KEPERPUSTAKAAN**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (12 dan 13 Mei 1981) : Nyanyian dan senikata yang baik, tidak lucah, tidak biadap, tidak mendorong kepada makiat, tidak bercampur lelaki perempuan dan tidak membawa kepada fitnah adalah harus.

Garis Panduan Hiburan dalam Islam Edisi kedua 2014 (Pindaan 2007) : Garis yang memisahkan sama ada hiburan itu dibolehkan atau sebaliknya menurut Islam adalah sejauh mana hiburan tersebut mencapai maksud dan prinsip Islam yang menekan kearah kesejahteraan umat Islam serta menolak sebarang kerosakan. Unsur yang mempromosikan pemikiran atau kefahaman ajaran selain daripada Islam hendaklah di elakkan dalam program hiburan menurut perspektif Islam.

Akta hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 : Hiburan termasuklah lakon opera, pantomim, lakonan aneka ragam, persembahan muzik, nyanyian, tarian, gimnastik, pertunjukan seni mempertahankan diri, akrobat, dan silap mata, pertandingan ratu cantik, tablo, pertunjukan, peragaan dan perarakan, yang didalamnya orang hidup mengambil bahagian.

## **1.8 RUJUKAN**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2012. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. cet 3. Putrajaya; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2007. Garis panduan muzik, nyanyian, dan seni menurut pandangan Islam. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Al Qaradawi Yusuf. 1994. Al Halal wa Al Haram fi al Islam. cet 5. Beirut: al Maktab al Islami.

Al Qaradawi Yusuf. t.th Fiqh Al Ghina' wa al Musiqa fi Dau' al Quran wa al Sunnah. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al Qaradawi Yusuf. 2014. Fiqh Hiburan dan Rekreasi. Fauwaz Fadzil dan Mohd Ikhwan Abdullah (terjemahan) cet 1. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Toha Yahya Omar. 2002. Haramkah Muzik, menyanyi dan menari, Abdul Rahman Rukaini (pnyt.). Selangor.

## **BAB 2**

### **PERKEMBANGAN GIG DI MALAYSIA**

#### **2.1 PENGENALAN GIG**

Menurut Kamus Muzik Grove, Gig membawa maksud persembahan secara langsung daripada pemuzik solo ataupun berkumpulan dengan memainkan lagu lagu yang terkenal atau muzik Jazz.<sup>1</sup>

Penggunaan bertulis pula untuk istilah Gig ini kali pertamanya pada tahun 1926;

*“1926 Melody Maker 7Sept. One popular ‘gig’ band makes use of a nicely printed booklet.”<sup>2</sup>*

---

<sup>1</sup> ‘gig’, Grove Music Online ed. L. Macy, <http://www.grovemusic.com> – Included in R. S Gold: A Jazz Lexicon: an A-Z Dictionary of Jazz terms (New York, 1964, rev. 2/1975 as Jazz Talk) 25August 2016

<sup>2</sup> “gig, n.6” The Oxford English Dictionary. 2<sup>nd</sup> ed. 1989. OED Online. Oxford University Press, <http://dictionary.oed.com/cgi/entry/50094462> 25 August 2016

Secara amnya pada harini mengikut kepada pemahaman dan pemerhatian penulis, Gig di kenali sebagai satu acara muzik yang di adakan dengan biaya kos yang sangat minima. Kebiasaannya acara muzik ini akan di buat secara kecil kecilan yang jauh beza dengan acara muzik yang besar besar seperti Konsert Jom Heboh tv 3 misalnya.

Seperti muzik, Gig juga di bagi bagi genrenya; ada Gig Metal yang sepanjang Gig berlangsung penonton di sajikan dengan muzik Metal dari Trash metal, Heavy metal, Nu metal dan sebagainya. Begitu juga dengan genre muzik yang lain.

Bagi arena Gig bawah tanah contohnya, mereka lebih kepada genre ‘keras’ seperti Metal, Punk dan Grunge. Kebanyakan gig seperti ini yang menimbulkan pelbagai kontroversi sepanjang keberlangsungan gig tersebut.

Kebiasaan kontroversi yang timbul adalah apabila terdapat unsur unsur kurang bersih seperti arak dan dadah dalam gig bawah tanah. Maka berpunca daripada inilah kebanyakkan Gig di Malaysia khususnya menjadi perhatian pihak berkuasa.

Bagi pihak berkuasa Jabatan agama, isu yang sering berbangkit tentang acara muzik Gig ini adalah perihal unsur yang bercanggah dengan akidah Islam seperti contoh unsur yang terdapat dalam muzik Metal dan sebagainya.

## 2.2 KONSEP GIG

Perihal konsep, Gig tidak banyak berbeza dengan acara muzik lainnya. Jika acara muzik pentas umum, kebiasaannya ia akan di langsungkan di tempat terbuka dan menyediakan satu pentas di lapangan. Gig juga ada yang begitu, tetapi ianya bermula di pertengahan 2006 sehingga sekarang.

Ini dapat di buktikan dengan kehadiran band (kugiran) seperti Hujan<sup>3</sup> dan Bunkface<sup>4</sup>. Pada asalnya, menurut permulaan gerakan kedua band ini, mereka hanya bermula dengan Gig bawah tanah sebelum mula terkenal di pentas terbuka seperti Muzik Muzik dan Anugerah Juara Lagu. Tetapi jika di lihat pada lewat 90an dahulu, kebanyakan gig di lakukan di tempat tertutup dan jemputannya terhad. Ini yang di definisikan sebagai gig bawah tanah. Sehingga ke harini Gig itu di label sebagai acara bawah tanah.

Tambahan, Gig adalah satu acara muzik pentas yang di anjurkan oleh kelompok kecil dan hanya berbekalkan modal yang kecil. Ada sesetengah Gig, hanya bertemakan DIY (do it yourself). Gig seperti ini biasanya akan di buat di tempat yang sangat kecil dan tertutup, contohnya rumah kedai.

---

<sup>3</sup> Hujan. Wikipedia/Hujan. <https://en.wikipedia.org/wiki/Hujan>. 26 August 2016

<sup>4</sup> Bunkface. Wikipedia/Bunkface.<https://en.wikipedia.org/wiki/Bunkface>. 26 August 2016

Gig DIY (do it yourself) ini sangat unik dan ada tarikan tersendiri. Kebiasaannya mereka akan menyediakan satu tapak yang di perbuat daripada kayu untuk di jadikan pentas. Dan ia tidaklah tinggi dan semegah pentas acara muzik di luar. Barang teknikal seperti lampu juga tidaklah sebanyak lampu pentas yang biasa di gunakan pemuzik.

Secara umum boleh di simpulkan, konsep Gig ini adalah satu konsep yang ala kadar dan jimat kos. Ianya agak berbeza jika di bandingkan dengan acara muzik pentas yang kebiasaan kita lihat di kaca televisyen.

### **2.3 CIRI CIRI GIG**

Bercakap tentang Gig, gambaran awal yang terlintas adalah ‘bawah tanah’. Jadi untuk memperjelaskan ciri ciri Gig, adalah lebih mudah jika penulis katakan ciri yang sinonim dengan Gig adalah satu acara pentas bawah tanah.<sup>5</sup>

Maksud bawah tanah ini adalah satu acara pentas yang di lakukan dalam keadaan yang sangat tertutup dan ruangannya adalah terhad. Kebiasaan acara begini akan berkait rapat dengan muzik yang berunsurkan Metal; keras dan bingit.<sup>6</sup>

---

<sup>5</sup> Muzik bawah tanah. Wikipedia/Muzik bawah tanah.

[https://id.wikipedia.org/wiki/Musik\\_bawah\\_tanah](https://id.wikipedia.org/wiki/Musik_bawah_tanah). 26 August 2016

<sup>6</sup> Rokiah Ismail. (2004) Sub Budaya Muzik Rock Bawah Tanah di Kalangan Remaja Bandar.

Ciri yang seterusnya menurut hemat penulis adalah pemilihan genre muzik yang keras dan bingit seperti Alternative Rock, Progressive Rock dan sebagainya. Boleh di katakan, genre sebegini yang menjadi identiti gig itu sendiri. Gig; acara muzik yang tertutup keras dan bingit.

Selain daripada itu, sebuah acara pentas yang ala kadar, DIY (do it yourself) dan tidak mewah seperti acara pentas yang ada nama juga menjadi salah satu ciri jelas sebuah gig bawah tanah itu sendiri.

Ciri yang menguatkan lagi Gig bawah tanah ini adalah kugiran yang ditampilkan dalam Gig tersebut. Kebanyakan kugiran yang di tampilkan adalah kugiran anak muda tempatan yang berbakat dan ada minat serta jiwa besar dalam muzik. Tidak seperti acara pentas umum yang membawakan artis artis terkenal sebagai penghibur penonton.

Bagi pemahaman umum. identiti atau cirri gig itu sendiri adalah satu acara pentas yang tertutup dan diadakan di tempat yang tidak begitu besar seperti premis kedai. Juga dengan kehadiran anak anak muda tempatan mempersembahkan muzik mereka sendiri menguatkan lagi ciri Gig itu sendiri. Serta, perkara yang membuatkan Gig atau muzik bawah tanah ini lain dari yang lain adalah dengan cara acara pentas itu sendiri diadakan.

Berpaksikan belanja yang tidak besar dan persediaan yang sekadar cukup duit, Gig itu di laksanakan dengan keunikan sendiri.

## 2.4 BAND GIG DI MALAYSIA

Kugiran yang lahir daripada Gig bawah tanah ini kesemuanya adalah anak anak tempatan yang mempunyai bakat besar dalam seni muzik. Gig atau acara muzik bawah tanah seperti inilah yang menjadi tapak pemula mereka berkarya.

Satu nama yang agak lama dalam arena Gig ini adalah kugiran second combat.<sup>7</sup> Permulaan mereka adalah pada tahun 1994 di mana ketika itu adalah era muzik Punk memuncak di tanah Semenanjung.

Second Combat adalah satu satunya kugiran pada ketika itu yang mengamalkan Straight Edge.<sup>8</sup> yang mana Straight Edge ini adalah satu gaya hidup atau disiplin pegangan orang seni yang teguh mengelak beberapa perkara seperti pengharaman Arak, Rokok, Seks dan Dadah.

Prinsip ini lah yang menjadikan Second Combat pada ketika itu bersih daripada kontroversi dengan pihak berkuasa. Dan selepas zaman kemuncak Second

---

<sup>7</sup> Nadim Hisham. (2016). Youtube/Aku anak Punk. <https://www.youtube.com/watch?v=o-QLGiKN9fc>. 27 August 2016

<sup>8</sup> Straight Edge. Wikipedia/Straight Edge. [https://en.wikipedia.org/wiki/Straight\\_edge](https://en.wikipedia.org/wiki/Straight_edge). 27 August 2016

Combat yang ber'akidah'kan Straight Edge<sup>9</sup>, muncul lah kugiran seperti Farasu dan All Coppers Are Bastards (ACAB).

Kugiran Second Combat pernah membuat persembahan ke luar negara dengan membawa muziknya sendiri. Ini membuktikan, pentas gig juga mampu melahirkan pemuzik yang berkualiti dan bertaraf bintang.

Di sini juga kita dapat lihat bahawa, gig juga adalah satu medium seni yang mampu mendisiplin pemuzik dengan hadirnya pegangan seperti Straight Edge yang mengharamkan perkara yang boleh mendatangkan mudarat kepada tubuh.

## 2.5 SEJARAH GIG DI MALAYSIA

Secara umumnya, Gig ataupun muzik bawah tanah ini bermula lewat tahun 70an yang mana ketika itu anak muda terpengaruh kepada muzik Punk setelah banyak membaca majalah - majalah dari England dan juga daripada band The Sex Pistols yang begitu popular ketika itu.

---

<sup>9</sup> Second Combat – Bersihkan diri, bersihkan Malaysia. (2012). Roketkini.com. <http://www.roketkini.com/2012/07/10/second-combat%E2%80%9D-bersihkan-diribersihkan-malaysia/>. 27 August 2016

Awal tahun 80an Joe Kidd dari Terengganu dan Abazz daripada band punk The Karatz dari Pulau Pinang telah menubuhkan satu scene Punk, tetapi gerakan mereka tidaklah begitu besar dan mempengaruhi komuniti umumnya.<sup>10</sup>

Daripada scene muzik bawah tanah, era Gig Malaysia ketika itu mula menjurus kepada fanzine (majalah muzik) yang mana antara pelopornya adalah Aedes (Joe Kidd) dan Thrash Attack (Aziz).<sup>11</sup>

Menurut Joe Kidd, sebelum Aedes, sudah ada fanzine yang terbit awal daripada fanzine Aedes yang konon fanzinanya merupakan fanzine underground pertama yang di terbitkan di Malaysia.

Selepas tahun 1993 pelbagai zine (fanzine) yang keluar dan boleh dikatakan tedapat di seluruh negara terutamanya di Kuala Lumpur, Selangor, Perak, Johor, Sarawak, Pulau Pinang dan Pahang. Antara zinenya adalah Heartcore, Buddy Holly, Suffer Age, Mukus, Obscure People, Earslaughter, Piss of Mine, Nathias, Verization, Noisy Scene dan banyak lagi.

---

<sup>10</sup> Malayaneum - Sejarah underground Malaysia. (2014). <http://ekstrim-info.blogspot.my/2014/04/sejarahundergroundmalaysia.html>. 27 August 2016

<sup>11</sup> Ibid.

Pada pertengahan tahun 90'an, muzik underground tempatan bagaikan mencapai kemuncaknya kerana semakin banyak pengajuran gig-gig dilakukan di luar daripada Kuala Lumpur. Pulau Pinang, Perak dan Johor Bharu turut sama mempunyai pengikut undergrounders tersendiri dan hampir setiap hujung minggu pasti ada Gig yang akan dianjurkan oleh kumpulan underground tempatan.

## **2.6 PERKEMBANGAN GIG DI MALAYSIA**

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, permulaan gig pada lewat 70an mencapai kemuncaknya pada tahun 90an yang mana pada ketika itu seakan berlaku satu revolusi seni muzik bawah tanah di Malaysia.

Bermula dengan genre Punk oleh Joe Kidd di Terengganu, datang pula era Trash Metal, Death Metal dan Black Metal yang di bawa Rator melalui fanzininya pada 1989. Sejak daripada itu, Trash Metal, Death Metal dan Black Metal menjadi identiti musik gig pada ketika itu.

Kemasukan era 90an oleh generasi X dengan genre muzik gig seperti alternative, grunge, indie, brit pop, punk hardcore dan skinhead menambahkan lagi bahang industri muzik gig itu sendiri<sup>12</sup>. Sebelum ini gig hanya dibuat di ibu kota dan tidak

---

<sup>12</sup> David Wright-Neville. (1996). The Rebels of KL: Malaysian subcultures are smashing stereotypes with their own brands of punk rock and grunge.

kerap kali diadakan, tetapi pertengahan 90an gig telah mula dianjurkan di luar kota.

Zaman kemuncak Gig tidak berlaku begitu lama apabila muncul satu kontroversi yang melibatkan remaja skinhead di ibu kota. Kontroversi inilah yang mencacatkan imej muzik bawah tanah pada ketika itu. Sejak daripada itu, semua gig yang di anjurkan menjadi sasaran serbuan pihak berkuasa atas alasan khuatir dengan tahap keruntuhan moral anak muda.

Sejak daripada itu juga, pergerakan gig sedikit mundur dan pihak penganjur mula kurang menganjurkan gig. Senario ini membuatkan pemuzik kugiran gig mula berhenti dan membubarkan kugiran mereka.

Keadaan makin kronik apabila timbul isu Black metal di kaitkan dengan ajaran sesat dan sebagainya<sup>13</sup>. Dan isu terakhir yang merebakkan lagi permasalahan ini adalah soal pengurusan sesebuah show, gig atau konsert yang melibatkan nama-nama kumpulan underground. Sikap para penganjur kadang kala amatlah menyediakan kerana yang dikehendaki adalah potensi komersil semata.

---

<sup>13</sup> n.u (2005, n.u) ‘105 teens held at Black metal concert.’ The sun : n.u

## **2.7 INDIVIDU YANG BANYAK MENGERAKKAN GIG DI MALAYSIA**

Individu yang penulis tampilkan kali ini adalah seorang yang lama dalam bidang seni muzik gig. Beliau adalah Khairuddin Aziz atau mesra di panggil Ein. Seorang ahli Second Combat yang kini merupakan seorang yang mendukung kuat gerakan anti dadah di Malaysia.<sup>14</sup>

Menurut Ein, beliau di besarkan dalam kalangan orang orang yang mengambil dadah. Kesengsaraan penagih dada itu beliau lihat sendiri, lantaran itu Second Combat di tubuhkan berpaksikan ideology Straight Edge yang menentang dadah sebagai bahan ambilan.

Melihatkan keterlibatan Ein di dalam arena gig dari tahun 1994 sehingga berjaya membawa nama Malaysia ke pentas luar negara<sup>15</sup>, sudah pasti beliau mempunyai pengalaman dan ilmu yang luas dalam seni muzik bawah tanah ini.

Berlandaskan pengalaman yang beliau ada serta kesedaran beliau akan bahayanya dadah, beliau kini sedang aktif memberi ceramah kepada sekolah serta ipta

---

<sup>14</sup> INTERVIEW: Ein of Second Combat / Drug Free Malaysia. (2015). Unite Asia.

<http://uniteasia.org/interview-ein-of-second-combat-drug-free-malaysia/>. 28 August 2016

<sup>15</sup> Nadim Hisham. (2016). Youtube/Aku anak Punk. <https://www.youtube.com/watch?v=o-QLGiKN9fc> 28 August 2016

tentang bahayanya dadah. Dan cara pendekatan beliau adalah melalui kisah pengalaman beliau sepanjang hidup di lantai gig sebagai penghibur.

Second Combat sendiri merupakan satu kugiran gig yang mempunyai keunikan tersendiri kerana disiplin mereka yang cukup berpegang kepada Straight Edge tadi. Tidak seperti kugiran lain yang bebas mengambil dan mengamalkan bahan terlarang.

Pada ketika itu, di Malaysia hanya Second Combat sahaja satu satunya kugiran yang betul betul mengamalkan Straight Edge sebagai pegangan. Selepas zaman kemuncak Second Combat, barulah muncul kugiran lain yang turut mengikut jejak Second Combat yang membawa imej Punk dan ber'kiblat'kan Straight Edge.

## **2.8 ISU GIG YANG TIMBUL DI MALAYSIA**

Apabila di bentang perihal gig dan muzik bawah tanah, serta merta kita akan melabelkan ianya sebagai suatu yang menentang, keras dan kebebasan yang melampau.

Jadi isu yang berbangkit di sini adalah apabila orang awam melabel atau memandang sama kepada semua anjuran dan kugiran gig itu sendiri. Sedangkan,

tidak semua kugiran atau anjuran gig itu sendiri membawa kepada unsur unsur negatif seperti yang di labelkan mereka.

Baiklah, saya datangkan satu senario. Contohnya Black metal. Black metal seringkali dikaitkan dengan ajaran sesat, terpesong akidah, menyekutukan Allah dan sebagainya. Menurut sisi pandang mereka, Black metal memijak al-Quran, memuja syaitan, minum darah kambing. Padahal bukan semua pengikut Black Metal pijak al-Quran atau puja syaitan dan seumpamanya.

Bukanlah di sini penulis katakan untuk tidak langsung mempedulikan mereka, tetapi pandangan terhadap Black metal itu sendiri harus di perbetul. Pentingnya di sini, jangan samakan.

Jika di lihat secara fakta, kemunculan Black metal pada 1969 hingga 1983 ini adalah kerana era pasca-perang Vietnam, kejatuhan beberapa kerajaan dan orang asing menguasai sesuatu tempat di luar wilayah mereka.<sup>16</sup>

Jadi boleh dikatakan, Black metal bukanlah isu muzik semata mata tetapi ianya melibatkan sosiologi budaya dan agama seseorang individu itu sendiri.

---

<sup>16</sup> Ku Seman Ku Hussain. (2001). Black Metal bukan isu muzik. Utusan Online. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0721&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ren\\_cana&pg=re\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0721&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ren_cana&pg=re_01.htm). 29 August 2016

Pentingnya disini adalah untuk tidak mudah terus menilai dan membuat serangan tanpa siasatan bagi sesuatu isu tersebut.

## **2.9 GIG DAN KONTROVERSI**

Antara kontroversi yang hangat adalah serbuan gig pada akhir September 2015 di Rumah Api. Insiden itu hangat diperkata kerana kononnya himpunan gig itu ada kaitan dengan perhimpunan Bersih 4.<sup>17</sup>

Nyatanya, gig yang pada ketika itu berlangsung acara ‘Party Tonight, Revolution Tomorrow’ hanyalah satu perhimpunan gig biasa dan tiada kaitan dengan perhimpunan Bersih 4 seperti yang di dakwa.<sup>18</sup> Itu apa yang dikatakan Joe Kidd yang pada ketika serbuan pihak berkuasa pada 11.30 malam, kugirannya Virginia on Duty sedang beraksi.

---

<sup>17</sup> Polis serbu gig, 100 ditahan. (2015). Malaysiakini.

<https://www.malaysiakini.com/news/310351>. 29 August 2016

<sup>18</sup> Ibid.

Namun serbuan itu mengheret semua anak muda yang menghadiri gig pada ketika itu ke IPD (Ibu Pejabat Daerah) Ampang dan di tahan di bawah Akta 124B dan 143 Kanun Keseksaan serta Seksyen (4)(1)(b) Akta Hasutan.<sup>19</sup>

Hal yang demikian menimbulkan kemarahan mereka. Mereka mendakwa gig itu bukan lah satu jenayah.<sup>20</sup> Mereka berhujah;

*“Jika tafsiran secara literal itu memadai untuk tindakan undang-undang diambil, maka apakah lagu bertajuk Revolusi oleh Bunkface yang pernah berkumandang di radio itu juga satu jenayah mahu menggugat demokrasi berparlimen? Adakah pihak berkuasa berat sebelah dalam hal ini?” – Petikan daripada artikel Serbuan Rumah Api: Jangan gertak anak muda bertarikh 2 September 2015 oleh Oleh Edry Faizal.*

Maka kontroversi seperti ini lah yang sering menjadikan gig itu sebagai satu medium hiburan yang di pandang buruk oleh orang awam.

---

<sup>19</sup> 161 tahanan gig Rumah Api dibebaskan – Peguam. (2015). Astro Awani. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/161-tahanan-gig-rumah-api-dibebaskan-peguam-71702>. 29 August 2016

<sup>20</sup> Serbuan Rumah Api: Jangan gertak anak muda. (2015). Roketkini. <http://www.roketkini.com/2015/09/02/serbuan-rumah-api-jangan-gertak-anak-muda/>. 29 August 2016

### **3.0 SALAH FAHAM TENTANG GIG**

Beridentitikan muzik keras, bingit dan memberontak khususnya bagi gig Punk dan Skinhead semestinya akan wujud salah faham mahupun tentangan keras oleh pihak berkuasa khususnya.

Namum harus difahamkan terlebih dahulu. Disini penulis ingin menegaskan bahawa tidak semua acara muzik gig itu membawa kepada satu unsur salah yang menjurus ke arah kerosakan moral individu.

Kebiasaan salah faham yang timbul adalah dari kerana unsur muzik gig itu sendiri yang keras dan memberontak. Isu yang sebegini mencetuskan satu isu yang berlarutan sehingga menjadi polemik kontroversi yang tak sudah.

Walhal kalau di perhatikan, sebenarnya kebanyakan anak muda yang mengikuti arena gig ini hanyalah satu trend atau ikut ikutan yang melulu semata.<sup>21</sup> Dewasa ini, gig hanyalah satu medium untuk melonjakkan imej diri demi menjadi terkenal.

---

<sup>21</sup> Khir Khalid. (2015) KAJISELIDIK SOSIAL SCENE UNDERGROUND DI MALAYSIA. <http://www.khirkhalid.com/2015/04/scene-underground-di-malaysia.html>. 30 August 2016

Maka dengan kedatangan golongan yang sebeginilah menjadi punca salah faham terhadap gig semakin memuncak dengan perilaku sosial anak muda yang berimejkan muzik bawah tanah yang semakin teruk.

Ini jelas jika dibandingkan dengan era muzik gig di abad ke 90an dahulu yang mana pada ketika itu anak muda sememangnya memahami apa itu muzik gig.

Muzik gig; arena seni pentas untuk golongan anak tempatan berkarya dan mengamalkan muzik cara sihat.

## **BAB 3**

### **PERUNTUKAN DAN PENGUATKUASAAN GIG**

#### **3.1 ‘PARTY TONIGHT, REVOLUTION TOMORROW’; GIG RUMAH API**

Di dalam bab sebelumnya, telah penulis isukan hal ini di bahagian Gig dan kontroversi. Kali ini untuk isu ‘Party Tonight, Revolution Tomorrow’; Gig Rumah Api, penulis akan perincikan fakta kes mengenai perihal ini.

Menurut sumber berita Astro Awani bertarikh 31 Ogos 2015, kesemua tahanan gig Rumah Api seramai 161 orang telah di bebaskan tanpa syarat kecuali dua lelaki yang disyaki pemilik Rumah Api; lokasi gig dilakukan.<sup>22</sup>

---

<sup>22</sup> 161 tahanan gig Rumah Api dibebaskan – Peguam. (2015). Astro Awani. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/161-tahanan-gig-rumah-api-dibebaskan-pegawai-71702>. 31 August 2016

Isu kes mula timbul apabila gig tersebut di adakan pada malam sebelum Perhimpunan Bersih 4 di langsungkan. Dan tema gig ‘Party Tonight, Revolution Tomorrow’ menjadi satu kontroversi yang kononnya bersifat menentang kerajaan. Kontroversi semakin hangat apabila berlaku sedikit penentangan daripada pihak anak muda yang di tangkap ketika gig di serbu.<sup>23</sup>

Menurut mereka, penahanan mereka di anggap tidak relevan hanya kerana tema gig mereka sedikit panas ‘Party Tonight, Revolution Tomorrow’ mereka di anggap menentang kerajaan. Lagi menambahkan kemarahan apabila pihak berkuasa mendakwa gig Rumah Api tersebut berkait dengan Perhimpunan Bersih yang bakal di laksanakan.

Mereka yang seramai 161 orang tadi di bawa ke IPD Ampang untuk siasatan lanjut. Salah faham atau kontroversi sebeginilah yang menyebabkan salah tanggap pihak berkuasa terhadap muzik gig di Tanah Air. Kemasukan elemen yang menyalahi undang undang negara seperti yang berikut menyebabkan perhimpunan gig di anggap satu perhimpunan haram untuk menentang kerajaan.

---

<sup>23</sup> Serbuan Rumah Api: Jangan gertak anak muda. (2015). Roketkini. <http://www.roketkini.com/2015/09/02/serbuan-rumah-api-jangan-gertak-anak-muda/>. 31 August 2016

Namun begitu, walaupun memang nyata ada elemen sangsi atau perkara yang menjurus kepada salah laku atau jenayah haruslah pihak berkuasa membuat siasatan terlebih dahulu secara terperinci bagi mengelakkan isu salah tangkap.

Ini juga penting bagi mengawal tindakan salah laku ini daripada terus berlaku dan menular dalam kalangan remaja dewasa ini.

### **3.1.1 PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI ‘PARTY TONIGHT, REVOLUTION TOMORROW’**

Berkaitan isu ini, telah terpakai beberapa undang undang keatas 161 orang tahanan yang terlibat.

- a) Seksyen 143 Kanun Keseksaan<sup>24</sup>

Seksyen 143 Kanun Keseksaan biasanya digunakan bagi tuduhan menyertai apa yang dianggap oleh pihak kerajaan dan polis sebagai perhimpunan haram. Menurut pihak polis, gig Rumah Api adalah satu kesalahan di bawah perhimpunan haram yang mana bersifat penentangan kepada pihak kerajaan.

---

<sup>24</sup> Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574)

b) Seksyen (4)(1)(b) Akta Hasutan<sup>25</sup>

Berdasarkan akta ini, seksyen (4)(1)(b) menggariskan bahawa menyebut apa-apa perkataan menghasut adalah satu kesalahan.

Maka jelas disini bahawa gig Punk itu di anggap sebagai satu bentuk penentangan atau lebih tepat menghasut tetapi di terjemahkan melalui seni.

Jika di lihat kepada kemasukan dua dua akta ini, ternyata gig Rumah Api itu berunsurkan penentangan terhadap kerajaan. Dan akta ini terpakai bagi membendung agar gejala seperti ini tidak berlaku lagi.

Antara elemen yang dapat dipertimbangkan dalam perihal ini adalah penggunaan tema gig ‘Party Tonight, Revolution Tomorrow’ yang kelihatan mempunyai unsur melawan kerajaan. Dan persabitan kepada Akta Hasutan adalah apabila adanya unsur Punk di dalam gig tersebut yang mana kita sedia maklum bahawa Punk adalah satu ideology yang menentang dan memberontak.

---

<sup>25</sup> Akta Hasutan 1948

### **3.1.2 PELAKSANAAN PERUNTUKAN BAGI KES ‘PARTY TONIGHT, REVOLUTION TOMORROW’**

Apabila sesuatu kes telah terikat dengan peruntukan undang undang, unit pelaksana akan mula mengambil tindakan keatas peruntukan yang telah disabitkan.

Dalam kes ‘Party Tonight, Revolution Tomorrow’ ini, unit pelaksana yang telah turun padang mengambil tindakan adalah unit Polis daripada Ibu Pejabat Daerah Ampang<sup>26</sup> yang mana skuad ini telah melakukan serbuan di lokasi gig yang diadakan di Rumah Api.

Kesemua tahanan di bawa ke balai Polis IPD Ampang dan di jalankan saringan urine oleh pihak Narkotik.<sup>27</sup>

Narkotik; Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM ditubuhkan bagi membentras gejala pengedaran dan penyalahgunaan dadah. Jabatan ini telah disusun semula pada 2 Januari 1996, diketuai oleh seorang Pengarah berpangkat Komisioner Polis dan dibantu oleh dua Timbalan Pengarah iaitu Timbalan

---

<sup>26</sup> Rock'n'roll di Rumah Api, hancing di balai. (2015). Malaysiakini.

<https://www.malaysiakini.com/news/311096>. 1 September 2016

<sup>27</sup> Ibid

Pengarah (Penguatkuasaan / Pencegahan / Kepolisian Am) dan Timbalan Pengarah (Perlucutahan Harta / Perundangan / Tahanan ). Matlamat utama Jabatan Narkotik ialah untuk mencapai perkhidmatan yang cekap dan cemerlang dalam menangani masalah dadah negara.<sup>28</sup>

Saringan urine di lakukan adalah bertujuan bagi mengenalpasti individu yang terlibat dalam bahan terlarang dadah. Juga bertujuan bagi membendung salah laku pengambilan dadah daripada terus berleluasa dalam kalangan remaja.

Telah berlaku penahanan reman bagi melakukan soal siasat atas arahan daripada Ibu pejabat Bukit Aman.<sup>29</sup> Penegasan daripada pihak Polis IPD Ampang, penahanan 161 orang itu adalah bukan melibatkan kes dadah, tetapi ianya satu penahanan atas arahan Polis Bukit Aman yang disyaki gig itu bermotifkan politik.

Pada ketika itu juga, beberapa orang peguam telah terlibat di dalam pembelaan ini. Antaranya adalah Haijan Omar, Lingswaran Singh dan Kar Fai.

---

<sup>28</sup> Portal Rasmi Polis Di Raja Malaysia <https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/jabatan---jabatan/jabatan-siasatan-jenayah-narkotik>. 1 September 2016

<sup>29</sup> Rock'n'roll di Rumah Api, hancing di balai. (2015). Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/311096>. 1 September 2016

Setelah mendengar Penghujahan daripada peguam, Majistret telah memutuskan bahawa tahanan perlu disiasat di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan dan Seksyen 143 Kanun Keseksaan berhubung kesalahan perhimpunan haram.

### **3.2 SERBUAN GIG BLACK METAL; PERISTIWA 2005.**

Arena muzik gig mula tercemar dengan unsur salah seperti dadah dan arak serta ajaran salah yang bertentangan dengan ajaran Islam apabila fahaman Black metal mula mendapat tempat di hati anak-anak muda pada ketika itu.

Disini dapat di lihat bahawa isu Black metal di negara satu ketika dulu adalah suatu yang sangat serius dan kronik. Kebanyakan gig pada ketika itu lebih bermazhabkan Black metal selepas berakhirnya era Punk di lewat tahun 90an.

Jelas di sini, awal tahun 2000 bukan sahaja pihak berkuasa seperti Polis yang mengambil perhatian berkaitan isu ini, tetapi Jabatan agama Islam negeri negeri juga mula mengambil tempat di dalam serbuan dan kes kes melihatkan gig ini.

Berikut adalah satu kes serbuan gig Black metal yang juga menimbulkan beberapa kontroversi kerana di kaitkan dengan penghinaan terhadap agama Islam.<sup>30</sup>

Gig Black metal tahun 2005 ini telah di langsungkan di Seremban bertempat di dewan Ceylonese, berdekatan dengan stesen komuter Seremban. Gig ini menjadi sejarah apabila diserbu pihak berkuasa dan kesemua tahanan dikepung bagaikan pengganas. Alasan Black metal digunakan sewaktu tahanan di kepung walaupun pada hakikatnya 99% band yang bermain pada hari kejadian bukanlah daripada band Black metal.

Pada peristiwa ini seramai 105 orang di tahan dan 30 daripada mereka adalah positif dadah.<sup>31</sup> 3 orang telah di rujuk kepada Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (JAINS) kerana di percayai telah melakukan perkara yang bertentangan dengan akidah.<sup>32</sup>

Lewat setahun daripada peristiwa itu, pada 23 Januari 2006 Jawatankuasa Muzakarah Fatwa Kebangsaan Malaysia telah memutuskan bahawa aliran muzik

---

<sup>30</sup> n.u (2005, 5Dec) ‘Hasrat pijak Al Quran’ Harian Metro: n.u

<sup>31</sup> n.u (2005, n.u) ‘105 teens held at Black metal concert.’ The sun : n.u

<sup>32</sup> n.u (2005, 5Dec). ‘105 remaja Melayu dan empat wanita di tahan; konsert black metal di serbu.’ n.u: n.u

Black Metal dikategorikan sebagai ajaran sesat dan boleh menjaskan akidah mereka yang mengamalkannya.<sup>33</sup>

Dapat di simpulkan bahawa, muzik gig berteraskan metal atau lebih tepat Black metal ini sangat mendapat perhatian serius pihak berkuasa lantaran daripada unsur ajaran salah serta penggunaan dadah yang berleluasa.

### **3.2.1 PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI KES SERBUAN GIG BLACK METAL; PERISTIWA 2005.**

Merujuk kepada fakta dan isu yang terdapat dalam kes serbuan gig Black metal pada lewat tahun 2005 itu, beberapa undang telah terpakai keatas 105 tahanan yang terlibat.

- a) Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya.<sup>34</sup>

Seksyen ini terpakai apabila 30 daripada 105 orang tahanan di syaki positif dadah selepas melakukan ujian saringan urine.

---

<sup>33</sup> Jawatankuasa Fatwa ambil masa keluarkan keputusan. (2006). Utusan Online.

[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0131&pub=utusan\\_malaysia&sec=muka\\_hadapan&pg=mh\\_07.htm&arc=hive](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0131&pub=utusan_malaysia&sec=muka_hadapan&pg=mh_07.htm&arc=hive). 2 September 2016

<sup>34</sup> Akta Dadah Berbahaya 1952

Mereka yang bersalah di kenakan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda RM5,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

b) Seksyen 49 Enakmen 4 Jenayah Syariah Negeri Sembilan.<sup>35</sup>

Merujuk kepada keratan akhbar Melayu bertarikh 5 Disember 2005 yang bertajuk Hasrat pijak Al Quran, maka enakmen ini terpakai secara tak langsung keatas ketiga tiga tahan yang di rujuk kepada Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (JAINS) lewat tempoh hari.

Ketiga tiga tahanan jika bersabit kesalahan hendaklah dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi kes ini, kemasukan unsur menghina Islam secara tak langsung telah menggunakan undang undang agama negeri; yang mana undang undang negeri tersebut bertujuan untuk melindungi maruah agama Islam daripada terus tercemar sekaligus membendung penularan ajaran salah di Malaysia.

---

<sup>35</sup> Seksyen 49. Mempermainkan dsb. ayat al-Quran atau Hadith. ENAKMEN 4 TAHUN 1992 ENAKMEN JENAYAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN 1992  
BAHAGIAN IV - KESALAHAN  
Darihal kesalahan mengenai pencelaan agama dan institusinya

Perbuatan menghina atau menyebar ajaran salah juga merupakan satu permasalahan yang seharusnya mendapat perhatian serius oleh pihak pihak berwajib demi menjaga agama Islam seperti mana yang di gariskan oleh lima Maqasid Syariah.

### **3.2.2 PELAKSANAAN PERUNTUKAN BAGI KES SERBUAN GIG BLACK METAL; PERISTIWA 2005**

Dalam kes ini, jelas dapat di lihat fungsi Jabatan agama Islam sebagai penguatkuasa di dalam hal hal yang berkaitan dengan agama.<sup>36</sup> Bagi kes serbuan gig Black metal kali ini, pihak berkuasa Polis telah menyerahkan 3 tahanan yang disyaki telah melakukan perkara yang bertentangan dengan akidah Islam.

Pihak Polis yang terlibat dalam serbuan ini adalah daripada Unit Polis IPD Seremban. Menurut ACP Hasanudin Hasan, Polis membuat serbuan pada jam 0820pm setelah gig itu berlangsung selama lima jam lamanya.<sup>37</sup>

Jelasnya, dapat kita lihat bagi peruntukan untuk kes Serbuan gig Black metal tahun 2005 ini telah berlaku satu usaha sama antara Polis IPD Seremban dengan Penguatkuasa Jabatan agama Islam Negeri Sembilan.

---

<sup>36</sup> n.u (2005, 5Dec) 'Hasrat pijak Al Quran' Harian Metro: n.u

<sup>37</sup> n.u (2005, n.u) '105 teens held at Black metal concert.' The sun : n.u

Gandingan seperti ini sangat perlu bagi menangani masalah yang melibatkan hal hal sebegini. Ini kerana dengan bantuan kecekapan Polis dan kepekaan Penguatkuasa jabatan agama dalam mengenalpasti unsur unsur ajaran salah di dalam sesuatu majlis (gig/konsert) dapat di jadikan satu gerakan yang mantap dalam mengawal penularan unsur salah ini daripada terus terjadi.

Bagi Jabatan agama Islam Negeri Sembilan (JAINS), akan diadakan satu soal siasat perihal ini terlebih dahulu sebelum tindakan susulan di ambil. Ini penting bagi mengenalpasti niat si pelaku samada adakah benar pelaku maksud hal itu apabila pelaku memulakan tindakan menghina agama Islam atau sebaliknya.

Jika pelaku memaksudkan hal yang demikian, maka unsur unsur salah akan di kenalpasti dengan lebih jelas seperti contoh penggunaan bahan haram;darah bagi tujuan pemujaan dan sebagainya.

Jika pelaku terlepas daripada dakwaan undang undang yang dikenakan terhadapnya, satu sesi kaunseling agama akan di jalankan bagi tujuan menasihatkan serta menginsafkan si pelaku. Juga menyedarkan pelaku bahawa apa yang dia lakukan adalah suatu yang salah di sisi agama Allah; Islam.

Secara mudahnya, ini juga merupakan antara method atau kaedah dakwah yang di terapkan secara halus kepada masyarakat khususnya komuniti Islam di Malaysia.

### **3.3 ‘NEW YEAR RAID’; KONSERT LEPAS GERAM BLACK METAL**

Isu Black metal di Malaysia kian berlarutan apabila konsert lepas geram Black metal di adakan di Klang ekoran daripada pembatalan satu pesta liar di Pantai Cenang, Langkawi tempoh hari.<sup>38</sup>

Menurut sumber berita Harian Metro lagi, gig lepas geram itu diakui sendiri oleh seorang pengunjung yang meluahkan rasa tidak puas hati ekoran pembatalan pesta di Langkawi. Tambahan, pesta liar di Pantai Cenang Langkawi itu merupakan sebuah pesta seks.

Selepas mendapat maklumat lengkap, sepasukan 30 anggota polis bersama lima pegawai diketuai Cif Inspektor Azhar Muda, menyerbu premis berkenaan pada jam 11 malam. Dan hasil serbuan itu, seramai 380 pengunjung terdiri 310 lelaki dan 70 remaja perempuan ditahan dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Brickfields untuk siasatan lanjut.

---

<sup>38</sup> n.u (2006, 2Jan) ‘The New Year Raid: “Ganti pesta langkawi, konsert lepas geram geng black metal”’. Harian Metro: n.u

Selain melakukan tangkapan, polis turut merampas pelbagai produk, risalah, cakera padat, kaset, buku ideologi dan baju tshirt yang berkaitan dengan kegiatan tidak bermoral kumpulan terbabit.

Secara dasar walaupun mereka tidak mengaku bahawa mereka ahli Black Metal, namun segala bukti yang dirampas itu menunjukkan wujud unsur Black Metal yang cuba diserapkan oleh pihak pihak terlibat.

Lebih malang menurut sumber surat khabar Harian Metro, apabila semua remaja berbaju tshirt hitam itu sanggup berasak di ruang sempit dan bercampur gaul antara lelaki dengan perempuan, sambil melakukan aksi seperti memuja syaitan.

Penjualan arak di dalam konsert gig itu menambah burukkan lagi tindakan pihak berkuasa keatas mereka yang terlibat. Seharusnya, gig ini mendapat serbuan serta merta daripada pihak berkuasa tempatan.

### **3.3.1 PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI KES ‘NEW YEAR RAID’**

Melihat kepada isu kes yang agak serius, bagi gig ‘New Year Raid’ kali ini banyak undang undang yang terpakai keatasnya adalah daripada undang undang

Islam. Ini kerana kebanyakkan perbuatan ahli gig berkelakuan salah di sisi agama.

Juga di sisi undang undang negara.

a) Seksyen 143 Kanun Keseksaan<sup>39</sup>

Seksyen ini terpakai kerana bagi pihak Polis, gig ini merupakan satu perhimpunan haram dengan kenyataan salah seorang pengunjung gig yang menyatakan bahawa ini adalah satu konsert gig lepas geram.

b) Seksyen 3 (1) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan)<sup>40</sup>

Menurut sumber Harian Metro, telah berlaku satu upacara yang berupa aksi memuja Syaitan. Secara tak langsung, perkara yang bertentangan dengan akidah ini telah di cas di bawah Akta jenayah syariah Wilayah Persekutuan ini.

Dan jika bersabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

---

<sup>39</sup> Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574)

<sup>40</sup> Seksyen 3.(1) Pemujaan salah. AKTA 559

c) Seksyen 19 (1) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan)<sup>41</sup>

Akta ini terpakai kepada peminum arak di gig tersebut dan jika bersabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.

d) Seksyen 19 (2) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan)<sup>42</sup>

Akta ini terpakai kepada penjual arak dan jika bersabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM 5, 00 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau keduanya.

---

<sup>41</sup> Seksyen 19 (1) Minuman yang memabukkan. AKTA 559

AKTA KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

BAHAGIAN III - KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KESUCIAN AGAMA ISLAM DAN  
INSTITUSINYA

<sup>42</sup> Seksyen 19 (2) Minuman yang memabukkan. AKTA 559

AKTA KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997

BAHAGIAN III - KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KESUCIAN AGAMA ISLAM DAN  
INSTITUSINYA

### **3.3.2 PELAKSANAAN PERUNTUKAN BAGI KES ‘NEW YEAR RAID’**

Bagi kes ‘New Year Raid’ kali ini, lebih banyak unsur unsur yang bertentangan dengan ajaran Islam yang terlihat dan membengelu remaja kita saat itu. Adalah lebih parah apabila unsur negatif itu melibatkan akidah kita sebagai Muslim.

Disini, fungsi tangan tangan orang agama khususnya di perlukan bagi membendung gejala negatif ini daripada terus menular. Juga memerlukan tenaga kecekapan badan unit beruniform polis misalnya untuk kerja kerja menyerbu dan membanteras perlakuan salah ini secara total.

Secara jelasnya, mengenai isu ini telah banyak terpakai undang undang Islam negeri sekaligus mengakui keterlibatan penguatkuasa syariah secara mutlak.

Kecekapan Polis IPD Brickfields, menyerbu premis haram itu yang diketuai oleh Cif Inspektor Azhar Muda sedikit sebanyak menyumbang kepada satu tangkapan besar dalam menghalang penularan ajaran salah di Malaysia ini.<sup>43</sup>

---

<sup>43</sup> n.u (2006, 2Jan) ‘The New Year Raid: “Ganti pesta langkawi, konsert lepas geram geng black metal”’. Harian Metro: n.u

Perihal perbuatan meminum arak, ianya merupakan satu kesalahan jenayah di bawah kategori jenayah hudud berdasarkan peruntukan undang-undang jenayah Islam.<sup>44</sup>

Pengharaman arak kepada orang Islam bukan setakat perbuatan meminumnya malah turut merangkumi sebarang aktiviti yang menggalakkan perbuatan meminum arak, seperti membuat, mengedar, menjual, menyimpan atau membeli arak. Hukuman yang diperuntukkan di bawah jenayah hudud bagi pemminum arak dalam kalangan orang Islam ialah sebatan.<sup>45</sup>

Dan secara tak langsung, pemakaian akta undang undang syariah terpakai dan sekaligus memperlihatkan fungsi mahkamah syariah sebagai ajen pelaksana.

Kolaborasi antara skuad serbuan polis dan mahkamah syariah sebagai ajen pelaksana undang undang Islam keatas pengunjung gig Melayu Islam sedikit sebanyak memberi impak kepada pengurangan penularan isu ini daripada terus merebak dan meruntuhkan moral anak muda.

---

<sup>44</sup> Abd al-Qadir ‘Audah, al-Tasyri’ al-Jina’i al-Islami Muqaranan bi al-Qanun al-Wadi’i, Juzuk 2, Muassah al-Risalah, Beirut, 1998, hlm. 492-98 dan Abdul Halim El-Muhammady, 1998. Undang-Undang Jenayah Dalam Islam Dan Enakmen Negeri-Negeri. Wadah Niaga Sdn. Bhd. Bandar Baru Bangi.

<sup>45</sup> Terdapat percanggahan pendapat antara fuqaha dalam menentukan bilangan sebatan yang seharusnya dikenakan kepada pemminum arak; 40 atau 80 sebatan. Rujuk Mohamed S. El-Awa, 1998, Punishment in Islamic Law: A Comparative Study. American Trust Publication, Indianapolis, hlm. 46-60 dan Paizah Haji Ismail, 1996, Undang-Undang Jenayah Islam. Dewan Pustaka Islam, Kuala Lumpur hlm. 204-06.

## **BAB 4**

### **GIG MENURUT PERSPEKTIF ISLAM SERTA BLACK METAL SEBAGAI SATU AJARAN SALAH**

#### **4.1 KEPERLUAN BERSOSIAL DALAM DIRI MANUSIA**

Secara umumnya, Gig merupakan satu amalan sosial manusia yang mana ianya merupakan satu seni hiburan dalam tamadun moden kita pada harini. Diakui, bahawa hiburan dan bersosial merupakan keperluan kendiri yang di perlukan oleh seseorang manusia bagi mensalurkan ekspresi dan emosi mereka.

Menurut Ibn Khaldun, perhimpunan manusia adalah satu perkara asas. Ini kerana menurut cendekiawan manusia itu sendiri bertabiat membangun. Pembangunan itu pula di istilahkan sebagai ketamadunan.<sup>46</sup>

---

<sup>46</sup> Muammar Ghaddafi Hanafiah et al. (2014). *Tafsir Maudhu'iy*. Selangor: Utusan Printcorp. Sdn. Bhd.

Jadi berdasarkan kalam Ibn Khaldun ini jelas kita dapat lihat bahawa manusia ini secara lahiriahnya sukaan satu bentuk sosiolism yang mana memperuntukkan satu seni bergaul antara satu dengan yang lain.

#### **4.2 GIG; BUDAYA HEDONISME SATU CORAK PENILAIANNYA MENURUT AL QURAN**

Bagi sub topik ini, penulis merujuk kepada buku Dakwah dan perubahan sosial susunan oleh Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim dan Ideris Endot. Dalam bab 5 buku ini, telah di perhalusi dengan terperinci akan budaya Hedonisme serta budaya ini menurut Al Quran.

Secara ringkasnya, Hedonisme ini adalah satu doktrin yang menganggap bahawa keseronokan atau kegembiraan adalah satu kebaikan. Dalam segi kontonasinya, kenyataan tersebut meletakkan budaya Hedonisme ini sebagai satu nilai paling tinggi. Oleh sebab itu, para Hedonis akan berusaha memaksimumkan keseronokan ini dengan mengatasi segala galanya.

Apabila melihat kembali kepada asal kajian ini iaitu Gig, secara tak langsung kita akan sedar bahawa dalam Gig juga terdapat budaya Hendonisme ini. Ini jelas terlihat apabila hiburan ini ‘menghalalkan’ segala perkara seperti arak dadah

pergaulan bebas dari sudut undang undang negara mahupun undang undang Allah.

Sebagai seorang yang beragama Islam, budaya Hendonisme ini haruslah sesuatu yang bertentangan dengan agama Allah SWT. Menurut Al Quran kareem, budaya Hendonisme ini di gambarkan dengan orang yang hidup mewah, bersenang lenang serta mementingkan dunia dan nafsu.

Situasi ini telah melahirkan Hedonis yang keras hati, menolak kebenaran dan sesat seperti yang digambarkan dalam surah Saba' ayat 34 dan surah Al Mu'minun ayat 34.

Menurut artikel bab 5 dalam buku tersebut tulisan Abdul Ghafar Hj Don, budaya Hendonisme berpunca daripada sikap mementingkan hawa nafsu dan cintakan dunia. Sikap ini lah melahirkan orang orang yang tamak seperti yang di nyatakan Allah dalam surah Hud ayat 116.

Maka jelas di sini bahawa Gig yang terdapat unsur budaya Hedonisme itu adalah suatu yang bertentangan hukum Allah SWT. Malahan ianya turut salah di sisi undang undang negara apabila ianya bercampur adukkan dengan elemen dadah dan arak.

#### **4.3 BLACK METAL SATU AJARAN SALAH**

Sepanjang perbincangan Gig tadi, terdapat beberapa isu yang menyentuh tentang ajaran salah; Black Metal. Di penghujung bab ini sekali lagi penulis akan memperjelaskan tentang Black Metal dan betapa Islam itu sendiri memandang ilmu salah ini dengan satu pandangan yang berat dan serius.

Ringkasnya menurut buku Ajaran sesat edisi kedua tulisan Wan Mohd Azam Mohd Amin, Black Metal yang juga dikenali sebagai Porn Metal, Punk Metal dan Death Metal yang merupakan satu muzik keras yang memuja syaitan.

Melihatkan kepada elemen pemujaan syaitan di dalam muzik Black Metal, ini telah jelas menunjukkan Black Metal adalah sesuatu yang membatalkan akidah. Memuja sesuatu selain Allah adalah satu dosa besar dan tidak di ampun Allah SWT.

#### **4.4 HIBURAN DALAM ISLAM**

Islam bukanlah satu agama yang menghalang, malah Islam adalah satu agama yang mendidik. Islam juga merupakan satu agama yang menggalakkan hiburan. Menurut Syeikh Yusuf al Qaradhawi dalam kitabnya “Halal dan Haram”, hiburan

adalah sesuatu yang di haruskan dalam Islam selagi mana ianya tidak melalaikan dan membawa kepada kemasiatan.

Menurut Syeikh Yusuf al Qaradhawi lagi dalam bukunya Seni dalam Islam, nyanyian yang terdapat unsur unsur fasik atau menyeru kearah maksiat adalah haram. Setiap kata kata yang mengandungi unsur haram seperti pemujaan syaitan dalam lagu Black Metal tadi, maka hukum lagu tersebut adalah haram.

#### **4.5 GARIS PANDUAN BERHIBUR OLEH JAKIM**

Garis panduan berhibur oleh JAKIM edisi kedua yang telah diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-107 pada 10-11 Februari 2015 ini merangkumi garis panduan penampilan artis, lirik lagu dan unsur muzik.

Dalam perihal penampilan artis, garis panduan yang telah di keluarkan JAKIM adalah seperti berikut;

##### **Penampilan**

- i. Penampilan yang sopan dan beradab hendaklah sentiasa dikekalkan walaupun berada di luar persembahan;

- ii. Berpakaian menutup aurat, kemas dan sopan serta tidak memakai pakaian yang boleh mendedahkan diri kepada eksplorasi penonton dan tidak bercanggah dengan kehendak Islam;
- iii. Adab berpakaian, tatarias dan dandanan rambut yang tidak menyerupai jantina yang berlainan; dan
- iv. Hiasan dan dandanan hendaklah pada kadar yang bersesuaian dan sederhana sesuai dengan uruf masyarakat.

Untuk lirik lagu pula, JAKIM telah menetapkan garis panduan seperti berikut;

### **Lirik**

- i. Mengandungi kebaikan dan nilai-nilai murni;
- ii. Memberi kesedaran dan membawa kepada keinsafan;
- iii. Selari dengan adab kesopanan;
- iv. Sensitiviti mana-mana agama, bangsa dan negara hendaklah sentiasa dipelihara;

- v. Boleh menggunakan terjemahan al-Quran dan hadith dengan menjaga adab yang selaras dengan syarak;
- vi. Ayat-ayat al-Quran tidak boleh dijadikan lirik lagu melainkan dengan kaedah iqtibas;
- vii. Nasyid berbentuk doa adalah diharuskan;
- viii. Tidak digalakkan menggunakan matan hadith kerana bimbang berlaku kesalahan pada sebutan yang boleh membawa perubahan pada makna;
- ix. Tidak mengandungi kalimah syahadah yang tidak sempurna;
- x. Tidak mengandungi ungkapan yang memanipulasi terjemahan al-Quran dan hadith untuk tujuan yang salah;
- xi. Tidak mengandungi ungkapan yang memanipulasi kalimah-kalimah suci dalam Islam untuk tujuan yang salah;
- xii. Tidak mengandungi ungkapan mengutuk nasib dan mempersoalkan ketentuan Allah;
- xiii. Tidak mengandungi pemujaan kepada makhluk dan peribadi lain;

- xiv. Tidak mengandungi unsur luah, membangkitkan nafsu atau lambang kata yang ditafsirkan luah;
- xv. Tidak mengandungi unsur maksiat atau membawa kepada pelakuan yang diharamkan; dan
- xvi. Tidak mengandungi unsur penghinaan, aib, cacian, fitnah dan merendah-rendahkan seseorang.

## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 RUMUSAN**

Dapat dirumuskan di sini bahawa, hiburan Gig ini bukan sahaja satu kesalahan di sisi agama kerana elemen yang terdapat dalam muzik dan liriknya adakala berunsurkan perkara yang bercanggah dengan agama.

Juga iayanya merupakan satu kesalahan di sudut undang undang negara kerana persekitaran Gig ini ada waktunya menjurus kepada pengambilan dadah dan arak.

Tetapi tidak di nafikan, dalam setiap keburukan sesuatu perkara, tetap terdapat kebaikan di dalamnya. Begitu juga hiburan Gig ini. Ini dapat di lihat daripada kemunculan ideologi seperti Straight Edge dan pemuzik Gig seperti vokalis band

Second Combat yang memperjuangkan kesucian muzik tanpa pencemaran elemen salah seperti dadah, arak dan seks bebas.

Persoalannya, sejauh manakah ideologi itu berjaya di langsungkan oleh pemuzik Gig di tanah air ini? Tuntasnya, menurut penulis meskipun terdapat kebaikan dalam hiburan ini tetap juga Gig ini harus di bendung kemerebatannya dalam kalangan remaja kerana ia dikhuatiri akan menjadi satu kebejatan moral yang tiada berkesudahan.

## **5.2 CADANGAN**

Setelah memperhalusi segala peruntukan serta cara pelaksanaan yang tersedia bagi isu ini, tidak dinafikan bahawa undang undang di Malaysia cukup memandang serius akan isu yang timbul ini. Namun, cadangan penulis di sini adalah menyentuh perihal idea untuk memperketatkan lagi prosedur bagi proses penangkapan serta pendakwaan pesalah. Ini dapat mengurangkan lagi statistik kesalahan ini secara tak langsung.

Jika di teliti dari sudut rohaniahnya pula, penekanan ilmu agama juga penting bagi golongan remaja Islam agar tidak terjerumus ke kancang permasalahan moral ini. Suntikan kesedaran melalui kempen moral serta hal ehwal agama juga sedikit

sebanyak memberi kesan kepada golongan ini sekaligus memberi pendedahan akan bahayanya pergaulan bebas serta konsert liar.

Gerak kerja amal seperti mengadakan kempen kesedaran itu tadi boleh di adaptasi oleh pelbagai lapisan masyarakat mahupun agensi seperti contoh pihak sekolah bagi memberi pendedahan awal kepada remaja di usia 13 tahun dan atas. Institut pengajian tinggi juga boleh mengambil tempat bagi mendedahkan kebejatan moral ini dengan memforumkan permasalahan secara ilmiah dengan mengumpulkan para para intelek.

Menyentuh perkara pendedahan secara menyeluruh oleh pelbagai lapisan masyarakat, suka untuk penulis menggariskan kembali akan titik mula perubahan ataupun pelajaran asas bagi tiap tiap manusia.

Institusi keluarga merupakan satu platform pendidikan asas atau pertama bagi tiap tiap manusia. Maka, titik mula pelajaran, teguran, didikan asas adalah bermula dari rumah. Maka di sini peranan besar ibu bapa sangat penting bagi memberi penjelasan kepada anak-anak akan bahayanya isu yang di bincangkan didalam kertas projek ini.

### **5.3 PENUTUP**

Berdasarkan kajian yang telah penulis jalankan, dapat penulis simpulkan di sini bahawa Gig bukanlah suatu aktiviti remaja yang sihat. Malah aktiviti tidak bermoral sebegini menyumbang kepada peratusan peningkatan jenayah seperti jenayah dadah, zina dan sebagainya.

Bagi menangani permasalahan ini ianya memerlukan kerjasama daripada semua pihak serta seluruh lapisan masyarakat. Justeru, ianya menjadi satu harapan negara bagi melahirkan remaja yang lebih produktif untuk menjamin sebuah perkembangan ekonomi serta sosial negara yang lebih berkualiti di masa akan datang

Ini sekaligus mewujudkan sebuah negara madani yang membangun bukan saja dari sudut sosial, malah turut membangunkan sekali imej negara Islam yang berkualiti menerusi imej yang di bawa oleh remajanya yang berwawasan serta lebih berpegang teguh kepada tunjang asas agama Islam itu sendiri.

## BIBLIOGRAFI

Abdul Halim El-Muhammady, 1998. Undang-Undang Jenayah Dalam Islam Dan Enakmen Negeri-Negeri. Wadah Niaga Sdn. Bhd. Bandar Baru Bangi.

Abd al-Qadir ‘Audah, al-Tasyri’ al-Jina’i al-Islami Muqaranan bi al-Qanun al-Wadi’i, Juzuk 2, Muassah al-Risalah, Beirut, 1998, hlm. 492-98

Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat & Ideris Endot. 1998. Prinsip dan kaedah dakwah dalam arus pembangunan Malaysia. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.

Al Qaradawi Yusuf. 1994. Al Halal wa Al Haram fi al Islam. cet 5. Beirut: al Maktab al Islami.

Al Qaradawi Yusuf. t.th Fiqh Al Ghina’ wa al Musiqa fi Dau’ al Quran wa al Sunnah. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al Qaradawi Yusuf. 2014. Fiqh Hiburan dan Rekreasi. Fauwaz Fadzil dan Mohd Ikhwan Abdullah (terjemahan) cet 1. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Dr. Yusuf Al Qaradhawi. 1999. Seni dalam Islam. cetakan pertama. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

David Wright-Neville. 1996. The Rebels of KL: Malaysian subcultures are smashing stereotypes with their own brands of punk rock and grunge.

Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot. 2000. Dakwah dan perubahan sosial. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Harian Metro. 2005.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2012. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. cet 3. Putrajaya; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2007. Garis panduan muzik, nyanyian, dan seni menurut pandangan Islam. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Muammar Ghaddafi Hanafiah et al. 2014. Tafsir Maudhu'iy. Selangor: Utusan Printcorp. Sdn. Bhd.

Mohammad Nidzam Abdul Kadir. 2012. 40 ciri ajaran sesat. Kuala Lumpur. Atlas Cetak (M) Sdn. Bhd.

Prof. Doktor Yusuf Al Qaradhawi. 2001. "al Islam wa al Fan" Seni menurut perspektif Islam. Johor. Percetakan Putrajaya Sdn. Bhd.

Rokiah Ismail. 2004. Sub Budaya Muzik Rock Bawah Tanah di Kalangan Remaja Bandar.


Toha Yahya Omar. 2002. Haramkah Muzik, menyanyi dan menari, Abdul Rahman Rukaini (pnyt.). Selangor.

The Sun. 2005.

Wan Mohd Azam Mohd Amin. 2009. Ajaran sesat. IIUM Press.

Wan Zakiah Wan Yunus, Ummul Hafizah Ali, Engku Razinawaty Engku Chik & Yusni Mohamad Yusak. 2015. Seni dalam Islam. Selangor. Oxford Fajar Sdn. Bhd.

## LAMPIRAN



## **105 teens held at black metal concert**

SEREMBAN: Police detained 105 teenagers including four women at a black metal concert held at a temple hall here on Saturday.

Seremban OCPD ACP Hasimuddin Hosen said police raided the hall at 8.30pm when the five-hour concert was under way.

He said police took the action as not only the concert was against Islam but the organisers had also misused the police permit issued to them.

"Other than that urine test conducted on the teenagers found 30 of them positive for drugs."

"The rest were released after their statements were taken," he said when contacted here.

Three of the teens were also referred to the Negeri Sembilan Religious Affairs Department as their conduct went against Islam.

He said police issued the permit for the event between 2pm and 8pm to a silat organisation but the same permit was used for the concert. — Bernama

*The Sun, 05/12/05*

105 remaja Melayu termasuk empat wanita ditahan

## **Konsert black metal diserbu**

REMBANG: Dua ratus anak muda yang menghadiri konsert black metal di sebuah tempat ibadah di sini pada Sabtu lalu ditahan kerana mereka menganggap acara tersebut bersekutu dengan aktiviti haram.

Menurut bekas ahli politik negeri dan seorang aktivis keselamatan sosial, Zainal Abidin, ia terdapat dua buah surat edaran yang dikeluarkan oleh polis mengenai peraturan berkaitan dengan konsert black metal.

Surat edaran pertama yang dikeluarkan pada 28 November lalu mengatakan konsert black metal yang diadakan pada 3 Desember di sebuah tempat ibadah di sini adalah haram.

Tentu saja perkara ini boleh diketahui oleh pengunjung tempat ibadah dan ia boleh menyebabkan kerusakan dan kerugian kepada tempat ibadah.

Menurut Zainal, ia boleh diketahui oleh pengunjung tempat ibadah dan ia boleh menyebabkan kerusakan dan kerugian kepada tempat ibadah.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

Menurutnya, konsert black metal yang diadakan pada Sabtu lalu merupakan konsert yang dilakukan tanpa persetujuan polis.

